

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KELIMA BELAS  
14 NOVEMBER 2025**

**PERKARA : 4(B)5**

**SOALAN LISAN OLEH AHLI KAWASAN KEBUN BUNGA  
YB LEE BOON HENG**

5. Apakah pencapaian kerajaan negeri dalam menarik dan mempromosikan lebih banyak penganjuran acara MICE di Pulau Pinang bagi tahun 2024 hingga 2025?
  - (a) Apakah langkah tambahan yang akan diambil untuk terus memperkembangkannya?

**YB WONG HON WAI  
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

5. Bagi tempoh tahun 2024 hingga 2025, Kerajaan Negeri Pulau Pinang melalui *Penang Convention & Exhibition Bureau (PCEB)* terus memperkukuh kedudukan negeri ini sebagai destinasi utama acara perniagaan (*business events*) di rantau ini. Sepanjang tahun 2024, Pulau Pinang berjaya menarik 2,059 acara perniagaan melibatkan 300,000 peserta tempatan dan antarabangsa dengan anggaran sumbangan ekonomi (EEI) melebihi RM1.29 bilion. Bagi tahun 2025 pula, sehingga Ogos

2025, lebih 1,183 acara perniagaan telah dilaksanakan, membabitkan 170,000 peserta dengan EEI melebihi RM800 juta.

Selain penglibatan aktif dalam *Trade Shows* dan *Roadshows* bersama *Malaysia Convention & Exhibition Bureau* (MyCEB) serta penganjuran *Penang International Travel Exchange* (PITE), PCEB turut melaksanakan beberapa strategi baharu bagi memperluas capaian pasaran dengan pasaran baru di India dengan pembukaan laluan penerbangan terus antara Chennai dan Pulau Pinang bermula 21 Disember 2024. Penerbangan ini telah meningkatkan kemasukan pelancong perniagaan dari India melebihi 100% dalam tempoh sembilan (9) bulan pertama.

- (a) Selaras dengan Tahun Melawat Malaysia 2026 (VMY 2026), PCEB akan melancarkan kempen promosi khas pada 24 November 2025 bagi menarik lebih banyak penganjuran acara antarabangsa ke Pulau Pinang. Tambahan pula, dengan bermulanya operasi *Penang Waterfront Convention Centre* (PWCC), PCEB telah menjalin kerjasama strategik dengan operator PWCC iaitu *Korea International Exhibition Center* (KINTEX) untuk

membawa masuk lebih banyak acara dari Korea, dimulakan dengan penganjuran K-Beauty Expo pada 20 hingga 22 November 2025.

Dengan sokongan padu daripada Kerajaan Negeri dan rakan industri, PCEB yakin Pulau Pinang akan terus muncul sebagai hab utama acara perniagaan serantau, sekali gus merancakkan ekonomi negeri serta membuka lebih banyak peluang pekerjaan berimpak tinggi kepada rakyat.